

Headline **150 pelajar miskin terima susu setahun**  
Date **09 Apr 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **28**  
Article Size **183 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,935**  
PRValue **11,804**



# 150 pelajar miskin terima susu setahun

**K**UALA LUMPUR: Seramai 150 pelajar kurang berkemampuan dari Persatuan Start menerima sumbangan produk susu selama setahun daripada syarikat peneraju utama industri tenusu tempatan, Dutch Lady Milk Industries Bhd (Dutch Lady).

Start, pertubuhan bukan kerajaan (MGO) yang memfokus mengajar seni kepada kanak-kanak kurang berkemampuan dengan bimbingan 12 tenaga pengajar profesional dalam pelbagai bidang kesenian.

Ketua Komunikasi Korporat Dutch Lady Malaysia, Jad Mahidin berkata, sumbangan itu bertujuan menyediakan minuman susu berkhasiat bagi kanak-kanak untuk perkembangan minda dan kesihatan mereka.

"Kanak-kanak memerlukan makanan berkhasiat untuk memastikan pertumbuhan terbaik secara keseluruhan dari segi fizikal, mental, rohani dan artistik.

"Justeru, kami gembira kerana dapat memberi dan mengajar mereka mengenai kebaikan dan kepentingan su-



TEKUN...antara aktiviti diatur Persatuan Start untuk pelajar mereka. Gambar kecil, Jad.

su yang dapat memudahkan proses pembelajaran sama ada dari segi akademik atau artistik," katanya.

Sumbangan diserahkan Jad kepada Pengarah Program Start, Joshua Lee dalam satu majlis ringkas yang disertai dengan kehadiran lebih kurang 20 pelajar dari rumah kebajikan Kids dan Agathians di rumah Persatuan Start Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, semalam.

Lee berkata, pihaknya berterima kasih dengan sumbangan diberikan kerana ia

mampu membantu kecergasan dan kecerdasan pelajar di situ.

"Saya gembira kerana Dutch Lady sudi memberikan sokongan mereka kerana kepakaran yang dipunyai untuk menyediakan susu berkhasiat kanak-kanak," katanya.

Menurutnya, Start ditubuhkan khas untuk mencungkil bakat tersembunyi kanak-kanak dalam bidang artistik secara percuma supaya mereka boleh menggunakannya sebagai punca pendapatan di masa depan.